



PENDIDIKAN

ARKIB : 25/09/2003

Guru besar - Pensiswazahan memartabatkan profesion

Oleh Rohana Man

LANGKAH Kementerian Pendidikan memulakan program Pensiswazahan Guru Besar (PGB) boleh meningkatkan tahap profesionalisme dan maruah diri pentadbir di sekolah rendah.

Dengan status sekarang bahawa kebanyakan guru besar merupakan lulusan diploma perguruan, maka pensiswazahan mampu menyelaraskan gaji di antara guru siswazah dengan yang sedia ada.

Bagi guru besar yang masih muda, mereka akan merebut peluang ini, sementara yang telah berusia berharap mereka diberi kelonggaran syarat, khususnya yang berkaitan dengan usia kemasukan.

Syarat yang dikenakan untuk mengikuti program itu ialah calon mesti berusia 46 tahun dan ke bawah serta pemegang Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) daripada Institut Aminuddin Baki (IAB).

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Tunku Besar, Tampin, Negeri Sembilan, Abd. Malek Daud berkata, program itu akan menjadi satu titik permulaan kepada guru besar menjadi seorang pentadbir yang berwibawa dan profesional.

Bagi beliau, ijazah adalah tiket untuk meletakkan mereka ke dalam kelompok pentadbir profesional.

``Golongan profesional biasanya terdiri daripada pemegang ijazah universiti tempatan atau luar negara.

``Dengan peluang yang diberi ini, guru besar yang belum mempunyai ijazah berpeluang berbuat demikian," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau mengulas langkah Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjalankan program PGB, mulai bulan November ini.

Ditanya kalau-kalau dia akan memohon untuk mengikuti program itu, Abd. Malek berkata, beliau akan bersara empat tahun dari sekarang.

``Saya tidak bercadang untuk memohon kerana tempoh masa pengajian hampir sama dengan tempoh persaraan saya," katanya.

Mengenai cabaran yang perlu dihadapinya kelak apabila sekolahnya menerima guru siswazah pada tahun hadapan, beliau berkata:

``Ia tidak menjadi masalah kerana jawatan guru besar adalah dilantik manakala jawatan guru mengikut kategori tertentu,".

Sebagai maklumat latar, mulai bulan Jun tahun hadapan, graduan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) akan mula ditempatkan di sekolah rendah.

Sementara, Guru Besar SK Ampangan, Seremban, Amran Hamid berkata, program PGB itu adalah baik dan perlu direbut oleh setiap guru besar yang masih muda.

Menurutnya, program itu lebih sesuai diikuti oleh guru besar yang masih muda kerana mereka mempunyai masa mencukupi untuk menamatkan pengajian dan berkhidmat semula di sekolah masing-masing.

``Mereka boleh balik ke sekolah selepas tamat pengajian kerana usia bersara masih jauh.

``Tetapi bagi guru besar yang hampir bersara, program itu tidak sesuai untuk mereka," katanya.

Sungguhpun begitu, katanya, program itu boleh dipermudahkan supaya semua peringkat usia guru besar berpeluang mengikutinya.

``Faktor pengalaman dan jumlah kursus pengurusan yang pernah diikuti guru besar di IAB seharusnya diambil kira untuk menempatkan mereka dalam program ini," katanya.

Guru Besar SK Methodist, Taiping, Perak, Tengku Habsah Tengku Petra pula berkata, pelaksanaan program itu sepatutnya dipercepatkan dan dipermudahkan supaya semua guru besar berpeluang menyertainya.

Justeru katanya, syarat yang hanya menerima calon guru besar berusia bawah 46 tahun perlu dikaji semula.

``Kebanyakan guru besar adalah lulusan diploma dan saya yakin tidak semua guru besar berminat untuk belajar semula.

``Untuk mencapai matlamat maka sepatutnya program ini diwajibkan kepada semua guru besar tanpa mengira usia dan pengalaman," katanya.

Beliau juga memohon supaya peperiksaan bagi program itu tidak begitu sukar sehingga guru besar terpaksa memperuntukkan masa yang banyak untuk menyiapkan diri bagi menduduki kertas peperiksaan.

``Saya bimbang kesibukan guru besar belajar akan menjejaskan tumpuan mereka untuk mentadbir sekolah," katanya.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0925&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm#ixzz2vEhjMimU

© Utusan Melayu (M) Bhd